

02 AUG 1999

MAHATHIR-YUAN

MAHATHIR BERTERIMA KASIH KEPADA CHINA KERANA TIDAK MENILAI SEMULA YUAN

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyatakan perasaan berterimakasih kepada kerajaan China kerana tidak menilai semula Yuan yang menyelamatkan ekonomi-ekonomi Asia Timur daripada krisis kewangan yang lebih meruncing.

Perdana Menteri berkata pemulihan ekonomi-ekonomi Asia Timur banyak bergantung kepada keputusan Beijing itu.

Ini dibuat walaupun terdapat cubaan oleh spekulator-spekulator matawang untuk menggugat kestabilan ekonomi China dengan menyerang Bursa Saham Hong Kong (HKSE), katanya.

"Sekiranya Yuan boleh ditukar dengan mudah, tidak syak lagi para pedagang matawang akan menyerangnya dan menjerumuskan China dan Asia Timur ke dalam kegawatan dan kemelesetan yang lebih teruk," katanya dalam rencananya yang diterbitkan oleh kumpulan akhbar Mainichi, Jepun hari ini.

Dr Mahathir, bagaimanapun, berkata adalah tidak adil untuk mengharapkan China supaya tidak menilai semula matawangnya selama-lamanya kerana penyusutan nilai matawang-matawang Asia Timur telah menaikkan nilai Yuan dan menjadikan negara itu (China) kurang berdaya saing.

Negara, kadang-kala menilai semula matawang mereka untuk menjadikan eksport mereka lebih berdaya saing, tetapi China tidak mengambil jalan ini.

"Yuan sebenarnya boleh dinilai semula sedikit tanpa memberi kesan kepada ekonomi-ekonomi negara-negara Asia Timur.

"Tetapi, saya berterima kasih kepada kerajaan China yang memegang teguh kepada janjinya untuk tidak menilai semula Yuan. China memang merupakan seorang rakan, lebih rapat daripada negara lain yang dipanggil rakan," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun serangan terhadap HKSE gagal, ekonomi pulau itu dan reputasinya telah dirosakkan.

Menyentuh kawalan modal berpilih yang dikenakan oleh Malaysia sejak 1 Sept 1998, Perdana Menteri berkata negara ini berharap ia telah memberikan dunia satu pengalaman yang berguna bagi kajian-kajian kes dalam pengurusan ekonomi sesebuah negara yang tertekan.

"Hari ini ekonomi Malaysia tumbuh sekali lagi. Kami percaya ia adalah ekor dari kawalan yang kami kenakan," tambahnya.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan meneruskan kawalan modal berpilihnya selagi ekonomi-ekonomi baru muncul dan negara-negara berpendapatan sederhana terus terdedah kepada perdagangan dan manipulasi matawang yang merosakkan oleh dana-dana lindung nilai dan para pedagang matawang seperti yang dilihat dalam rejim kewangan antarabangsa sekarang.

Walaupun diseru berulang kali supaya halangan itu dihapuskan, beliau berkata Malaysia akan memansuhkan dasar ini jika dan apabila perdagangan matawang menjadi kurang merbahaya kepada ekonomi-ekonomi baru muncul.

"Sehingga itu, kawalan akan terus wujud dan akan dipertahankan dan dikuatkuasakan dengan kuasa yang ada pada Malaysia," kata Perdana Menteri.

"Kami tidak mengganggu orang lain dengan kawalan kami. Memang, kami membantu diri kami sendiri dan saya katakan, kepada rakan dagang kami, pelabur dan ekonomi dunia.

"Jadi saya harap kami akan dibiarkan mentadbir ekonomi kami sendiri dengan cara sendiri. Tiada orang yang boleh memberitahu kami supaya memansuhkan kawalan itu," katanya.

Dr Mahathir berkata kawalan modal yang dikenakan oleh Malaysia tidak difahami oleh masyarakat antarabangsa, yang lebih banyak membuat kritikan berdasarkan kepada model-model buku teks daripada pemeriksaan yang sempurna mengenai apa yang Malaysia telah lakukan.

Beliau berkata bagi memahami langkah-langkah yang diambil, seseorang itu mesti mengkaji penyebab kegawatan kewangan yang melemahkan ekonomi negara.

"Kawalan itu jelas telah berjaya memulihkan ekonomi Malaysia.

"Walaupun ramai masih mengeji kawalan modal, ada yang kini berkata kawalan itu boleh menyelesaikan masalah yang dibawa oleh penyusutan segera matawang oleh para pedagang matawang.

"Ada juga yang mencadangkan negara-negara yang terdedah kepada serangan spekulator matawang supaya menerima pakai kawalan matawang," tambahnya. --

Perdana Menteri berkata tidak mudah bagi Malaysia memutuskan untuk mengenakan kawalan modal berpilih.

"Lebih enam bulan perbincangan hangat sebelum keputusan dibuat oleh jawatankuasa eksekutif MTEN (Majlis Tindakan Ekonomi Negara) untuk mengenakan kawalan.

"Salah seorang anggota jawatankuasa eksekutif itu membawa 32 sebab kenapa kawalan modal akan membahayakan negara, (iaitu ia) akan gagal. Tetapi, hujah itu musnah satu persatu," tambahnya.

Dr Mahathir berkata kawalan modal membawa maksud yang berbeza kepada orang yang berbeza dan kepada ahli-ahli ekonomi buku teks, ia bermaksud memutuskan negara daripada semua hubungan kewangan dengan dunia.

"Kawalan Malaysia bukan semudah membelakangkan dunia. Malaysia adalah negara perdagangan. Pertumbuhan ekonominya dan kesejahteraan bergantung kepada hubungan-hubungan perdagangan dan kewangan, termasuk pelaburan langsung asing dengan dunia," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia kini dalam kedudukan kewangan yang teguh.

Ekonomi tumbuh dan ramai yang meramalkan ia akan melebihi satu peratus pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dianggarkan oleh kerajaan.

Dr Mahathir berkata ringgit masih dipasak pada RM3.80 bagi setiap dolar AS walaupun matawang-matawang negara jiran telah mengukuh berbanding dolar dan oleh itu berbanding ringgit.

Tetapi Malaysia tidak mahu mengubah kadar tukaran kerana ia akan merosakkan urusan niaga perniagaan dan ramalan keuntungan, katanya.

"Dengan kerajaan mengawal kadar tukaran, kita boleh dengan mudah memperkayakan diri sendiri dengan mengukuhkan ringgit, walaupun ke paras sebelum kegawatan iaitu RM2.50 bagi satu dolar AS.

"Tetapi keburukannya adalah daya saing yang lebih rendah bagi eksport kami dan oleh itu pelaburan asing dan tempatan bagi industri-industri eksport akan berkurangan.

"Kuasa menukar kadar tukaran mesti diguna dengan bijaksana atau ekonomi akan rosak," kata Perdana Menteri. -- BERNAMA

MFJ JR